

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

KERATAN : Utusan Berneo TARIKH : 04/07/2014  
M/S : (B2)

# Kehalkan warisan bahasa ibunda

## Melalui penghasilan buku berbahasa Dusun

I.SAB KHAN MUKARAB SHAH

**WARISAN** sesuatu bangsa adalah suatu aset yang bernilai tinggi dan harus dijaga rapi. Bahasa ibunda bagi sesuatu bangsa khususnya adalah salah satu cabang warisan negara yang kini kian luput ditelan zaman.

Warisan bahasa, adat dan alat muzik sudah berabad lamanya dihidup-suburkan oleh nenek moyang dan tidak seharusnya generasi alaf langit terbuka kini meminggirkan budaya turun-temurun ini. Hakikatnya di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Bertitik tolak daripada manifestasi itu, setiap individu perlulah menggarap dan mempertahankan warisan bahasa bangsa masing-masing.

Salah satu contoh adalah bahasa Kadazandusun oleh masyarakat Kadazan atau Dusun.

Tiada penyakit yang tiada penawarnya. Pelbagai usaha yang efektif dan drastik boleh dilaksanakan bagi memastikan warisan terunggul bahasa ini terus terpelihara.

Usaha-usaha pengekalan warisan budaya bukanlah menjadi tanggungjawab agensi kerajaan semata-mata.

Sebaliknya, badan bukan kerajaan (NGO) turut memainkan peranan masing-masing dalam usaha itu. Antara peranan yang dimainkan oleh badan bukan kerajaan ialah menyokong dan melibatkan diri dalam agensi kerajaan.

Membantu mempromosikan hasil warisan budaya, menghasil dan memasar kan warisan budaya, menganjurkan pelbagai

kempen kebudayaan dan ak-

tiviti bagi mendekatkan masyarakat dengan budaya warisan.

Antara contoh NGO yang terlibat dalam usaha mengekalkan warisan budaya di Sabah adalah Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA), yang berperanan dalam membangun dan mengekalkan warisan budaya kadazandusun untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Dalam usaha itu juga, muncul seorang penggiat seni yang berusaha kuat dalam terus memartabatkan bahasa Dusun ini dengan cara mengumpul serta menghasilkan buku-buku berkaitan bahasa itu.

Donius Bulangou, anak jati Dusun yang berasal daripada Kampung Siba, Bundu Tuhan berkata, dalam usaha mengekalkan bahasa itu, beliau menghasilkan pantun, puisi, teka-teki dan menulis cerita dongeng Dusun dalam bahasa Dusun sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, beliau kini mempunyai 30 buah pantun atau 'Sudawil', 10 buah cerita dongeng Dusun atau 'Tangon-Tangon' dan 25 buah teka-teki atau 'Sundait' dalam bahasa Dusun hasil ciptaan sendiri.

Beliau yang kini menetap di Kampung Men-

siang, Menggatal berkata, kesemua karya itu dihasilkan dengan inisiatif sendiri dengan mengumpulnya melalui penceritaan oleh golongan yang lebih tua.

"Kita bertanya kepada mereka yang lebih tua kerana mereka lebih tahu tentang cerita-cerita lama ini sekali gus mengelakkan agar cerita-cerita dongeng ini tidak hilang ditelan zaman di samping dijadikan rujukan di masa hadapan," katanya kepada Utusan Borneo ketika ditemui baru-baru ini.

Donius yang bekerja sebagai ketua pengawal keselamatan di sebuah syarikat swasta berkata, hasil karya yang dihasilkannya itu akan dihimpunkan dan dibukukan.

"Dalam penghasilan karya-karya ini juga saya bekerjasama dengan dua sahabat baik yang turut sama menghasilkan karya sebegini iaitu Fideles Sipangkui dan Ree John Daulip.

"Setakat ini, sudah dua buah buku mereka yang telah diterbitkan, walau-pun baharu buku mereka yang diterbitkan dahulu, namun atas dasar kerjasama kami bersama, ter-

da-pat beberapa hasil karya saya turut diselitkan dalam buku yang juga jilid pertama buku mereka ini," katanya.

Menurut Donius, kerjasama

den-gan

kedua sahabatnya itu menjadikan karya yang beliau hasilkan kelak itu akan dibukukan walaupun terdapat sedikit kelewat tan disebabkan masalah kewangan.

Ayah kepada dua orang anak ini juga menjangkakan yang buku-buku berkenaan akan diterbitkan pada penghujung tahun ini atau selewat-lewatnya awal tahun hadapan oleh pihak KDCA.

"Karya-karya yang kami hasilkan bersama adalah Himpunan Cerita Dongeng Dusun, Kamus bahasa Dusun, Pantun Dusun, Teka-Teki Dusun serta buku mengenai sejarah kehidupan masyarakat Dusun.

"Setiap hasil karya yang kami hasilkan ini bertujuan membantu generasi baharu menguasai bahasa ini. Kita mahu mereka mempelajari, menguasai serta menggunakan bahasa tradisi ini agar ia tidak lopus," katanya.

Katanya, usaha itu adalah bagi me-

marta-batkan lagi bahasa Dusun serta memastikan budaya dan tradisinya di semua daerah serta kawasan pedalaman tidak hilang begitu sahaja.

"Bahasa ibunda sangat penting dan bererti bagi sesebuah suku kaum, oleh itu wajarlah sekiranya terdapat usaha dalam mengekalkan budaya, bahasa dan tradisi sejak zaman berzaman.

"Justeru, saya berpendapat usaha untuk menguasai serta mempelajari bahasa ini perlu ditingkatkan agar mampu memberi kesan lebih besar kepada masyarakat," katanya.

Katanya, melalui buku-buku itu diharapkan dapat menggalakkan lagi penggunaan bahasa Kadazandusun melalui pembangunan koleksi penulisan serta memelihara kebudayaan dan sastera kaum Kadazandusun.

"Objektif utama

saya ialah untuk mengalakkan serta memantapkan kepenggunaan serta meningkatkan kualiti penuturan Bahasa Kadazandusun di kalangan masyarakat Kadazandusun.

"Perkembangan kegunaan bahasa Kadazandusun ini akan semakin terserlah dengan adanya buku-buku yang dihasilkan ini sebagai galakan untuk membaca.

"Bagi saya, perkara ini memanglah amat wajar oleh kerana bahasa Kadazandusun ini adalah satu daripada loghat etnik yang utama dalam negeri Sabah," katanya.

Menurut Donius, melalui buku itu juga akan ada satu petanda positif ke arah pemuliharaan bahasa ibunda ini di kalangan generasi masa kini.

"Sesungguhnya, kreativiti kakitangan profesional dan pelaksanaan pelbagai pihak mampu merealisasikan hasrat dalam memulihara dan mengeka-

Katanya, di era serba moden ini penuh dengan cabaran selain dilanda oleh kebanjiran maklumat dalam pelbagai media terutama sekali media masa dan internet.

"Perkembangan teknologi maklumat adalah begitu pesat, oleh itu bagi menangani fenomena ini, masyarakat perlu memantapkan jatidiri supaya kukuh dan teguh menghadapi cabaran masa kini.

"Antara strategi menangani fenomena ini ialah dengan mengukuhkan pemahaman budaya kita agar tidak luput ditelan zaman ini.

"Alat muzik, tarian dan nyanyian tradisional harus dipertahankan kerana

melalui aktiviti sebegini rupa secara tidak langsung kita memperkaya dan dapat mempertahankan budaya kita daripada hilang dipupsus zaman," katanya.

Oleh itu, Donius berharap agar orang ramai dan lain-lain agensi yang terlibat bersama untuk memantapkan lagi penggunaan bahasa ini bukan sahaja di kalangan mereka yang berketurunan Kadazandusun tetapi juga bagi bangsa lain.


"Ini kerana tidak ada sebabnya untuk belajar bahasa yang lain demi untuk perpaduan dan kehomogenian di kalangan rakyat kita yang berbilang bangsa dan agama," katanya.

Selain daripada berbakat dalam bidang penulisan, beliau juga berbakat dalam bermain alat tradisional Dusun iaitu Sompoton dan Bungkau selain sering memberi sokongan serta melakukan persembahan dalam mana-mana acara keramaian Kadazan Dusun Murut (KDM).

"Saya berharap semua pembaca khususnya masyarakat KDM agar membeli buku-buku bahasa Kadazandusun ini demi memberi sokongan dalam terus mengekalkan bahasa KDM Sabah," katanya.

Ikan ba-hasa ini.

"Kita seharusnya sedar tentang keperluan untuk membangunkan bahasa Kadazandusun ini seterusnya mengambil langkah untuk membangunkan bahan-bahan koleksi yang sesuai untuk dirujuk oleh generasi akan datang," katanya.



DONIUS menunjukkan buku-buku berbahasa Kadazandusun yang diterbitkan bersama rakannya.



J Watu Kimoinat  
Om  
Pipiro Tanong Do Suai

